SAMPEL PERCUMA

Soalan UASA Tahun 6

Set penuh: Soalan UASA Tahun 1–6

Tahun 6

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 33 fail PDF
- Kertas UASA sebenar sesi 2025/2026, 2023/2024 dan 2022/2023
- Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah
- Subjek lain: Pendidikan Islam, Moral, PJK, Muzik, RBT, Bahasa Arab
- Skema jawapan / panduan penskoran

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/soalan-uasa-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

TAHUN 6 SESI 2025/2026

Bahasa Melayu (011)

1 jam 15 minit

ARAHAN:


1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	**1-10**	10	
B	**1**	5	
	2	5	
C	**1**	10	
D	**1**	20	
Jumlah		**50**	

Bahagian A
[*10 markah***]**

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.



1 Emak memasukkan beberapa _____cecair perasa vanila ke dalam adunan kek ini.

A titis

B genggam

C tompok

D cubit

2 Adik hanya makan _____daripada kek-kek cawan itu kerana sudah kekenyangan

A sebilangan

B segala

C seluruh

D setiap

3 *Pilih ayat yang* **betul**.

A Saya telah pergi ke perkhemahan itu jika mendapat keizinan bapa saya.

B Rasa mi kari yang dimasak oleh ibu sangat enak.

C Ibu berpesan kerana saya menjaga keselamatan ketika menunggang basikal.

D Mohan menjalankan tanggung jawab sebagai murid dengan dedikasinya

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Malar banyak mendapat duit raya. Dia ingin membeli buku cerita idamannya dengan duit itu. Oleh itu, dia meminta ayahnya membawanya ke kedai buku di bandar. Di kedai buku, Malar memilih buku-buku cerita yang diinginginya. Ayahnya menasihatinya supaya beringat-ingat untuk berjimat. Sebahagian daripada duit itu hendaklah diperuntukkan untuk tabungan. Malar berjanji untuk mematuhi nasihat ayahnya itu. Setelah membayar harga buku-buku yang dibelinya itu, Malar mengajak ayahnya pulang. Malar mengucapkan terima kasih kepada ayahnya. Malar gembira kerana dia dapat membeli buku-buku itu dengan wangnya sendiri. Pada masa yang sama, dia dapat mematuhi nasihat ayahnya, Malar mahu menyimpan baki wangnya di dalam bank.

4 Apakah yang dilakukan oleh Malar di bandar

A mendapatkan duit raya

B menyimpan wang di bank

C menemani ayahnya membeli buku

D membeli buku-buku cerita di kedai buku

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

A Malar membeli buku cerita dengan duit yang diberikan oleh ayahnya.

B Malar membelanjakan semua duit raya yang diperolehnya.

C Baki duit raya itu akan disimpan oleh Malar di bank.

D Ayah Malar menasihatinya agar membeli buku-buku cerita yang diidamkannya.

6 Berikut ialah sikap Malar yang wajar dicontohi berdasarkan petikan *kecuali*

A pandai berjimat

B berterima kasih

C boros berbelanja

D mendengar nasihat

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1


"Kamu sedang buat apa, Kamal" tanya Shan Leng.

"Oh, saya sedang memeriksa tayar basikal saya ini!" kata kamal

"Mengapakah kamu memeriksa tayar basikal ini?" tanya Shan Leng lagi.

"Shan Leng, kita hendaklah sentiasa memeriksa keadaan tayar basikal kita supaya kita selamat semasa menunggang basikal. Tayar basikal merupakan bahagian basikal yang paling utama. Jadi tayar basikal mestilah dalam keadaan *baik* . Jika tayar basikal rosak, basikal kita mudah terbabas. Kita mungkin ditimpa kemalangan," terang Kamal dengan panjang lebarnya.

BAHAN 2



7 Kamal memeriksa tayar basikalnya supaya

A dia tidak terbabas.

B dia selamat semasa menunggang basikal.

C dia tidak ditimpa kemalangan.

D dia dapat menunggang basikal dengan lajunya.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Soalan UASA Tahun 1–6

Tahun 6

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 33 fail PDF
- Kertas UASA sebenar sesi 2025/2026, 2023/2024 dan 2022/2023
- Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah
- Subjek lain: Pendidikan Islam, Moral, PJK, Muzik, RBT, Bahasa Arab
- Skema jawapan / panduan penskoran

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/soalan-uasa-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar